

HUBUNGI SKUAD SENTRAL: NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN- 019-9882695 (2)

Kemas kini permohonan tanpa had

KUANTAN - Pelajar yang mengisi permohonan menerusi UPUPoket yang dilancarkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) boleh mengemas kini permohonan mereka tanpa had.

Ketua Setiausaha, Tan Sri Dr Noorul Ainur Mohd Nur berkata, menerusi aplikasi itu membolehkan pelajar dan ibu bapa dapat mengemas kini semula bidang pengkhususan yang pilih dengan menawarkan 12 pilihan kepada mereka.

"Jadi, aplikasi ini pelajar bukan sekadar boleh mengisi borang UPU, sebaliknya boleh menyemak dan menukar bidang pengkhususan mengikut minat mereka.

"Kita beri peluang untuk pelajar memilih 12 pengkhususan yang ditawarkan di seluruh Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta. Namun, jika merasa pilihan tersebut terlalu banyak, pelajar hanya boleh mengisi lima pengkhususan secara minima," katanya ketika ditemui pemberita selepas berakhirnya majlis perasmian Karnival KPTN Zon Pahang di Dewan Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini, semalam.

Majlis dirasmikan Exco Dakwah Islamiyah dan Tugas-Tugas Khas negeri, Datuk Seri Syed Ibrahim Syed Ahmad bagi mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Turut hadir sama, Timbalan Naib Canselor UMP (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Datuk Dr Mashitah



Syed Ibrahim (kanan) dan Lettenan Kolonel Tengku Datuk Seri Kamarul Zaman Al-Haj melihat pelajar melihat bidang pengkhususan yang pelajar minati.

Mohd Yusof dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPT, Datuk Kamel Mohammad.

Sementara itu, Noorul Ainur berkata, pelajar juga boleh membuat aduan, menyemak kalendar akademik program yang ditawarkan menerusi UPUPoket tersebut yang lebih mudah berbanding kaedah manual sebelum ini.

Selain itu, katanya, mereka juga boleh menghubungi Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP) untuk sebarang pertanyaan dan ia pasti memudahkan pelajar.

"Pelajar dan ibu bapa boleh muat turun aplikasi ini menerusi Google Play bagi Android atau boleh

muat turun melalui <https://upu.mohe.gov.my>.

"Aplikasi ini tidak boleh dimuat turun menerusi Applestore (Iphone) kerana ia masih dalam proses persetujuan daripada pihak Apple," kata dia.

Semutar itu, berhubung Karnival berkenaan, Noorul Ainur berkata, program KPTN membabitkan 16 zon di seluruh negara selaras hasrat kerajaan mahu memastikan maklumat mengenai institusi pengajian tinggi dapat disebarluaskan kepada masyarakat terutama mereka yang mahu menyambung pengajian ke peringkat universiti.